

Tahap Kemahiran Komunikasi Pelajar Semasa Menjalani Latihan Industri

NURUL JAMILAH ISMAIL RANI

Fakulti Pengurusan & Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

jamilah@kuis.edu.my

NORFAIZAH OTHMAN

Fakulti Pengurusan & Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

norfaizah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran komunikasi merupakan elemen utama dituntut dalam semua jenis pekerjaan termasuklah sewaktu menjalani latihan industri. Namun, antara isu yang timbul atau masalah yang dihadapai oleh para majikan sewaktu menjalani latihan industri ialah pelajar tidak cuba menonjolkan diri dan lemah dalam kemahiran berkomunikasi, tidak cuba mencari peluang dan tidak mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap kemahiran komunikasi pelajar KUIS sewaktu menjalani Latihan Industri di pelbagai organisasi kerajaan mahupun swasta. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenalpasti kemahiran komunikasi yang paling baik dalam kalangan pelajar yang menjalani Latihan tersebut. Kajian ini dijalankan terhadap 351 pelajar daripada pelbagai bidang pengajian yang menjalani latihan industri pada tahun 2021. Hasil kajian ini diharapkan boleh membantu institusi dan pensyarah dalam mengenalpasti apakah kemahiran komunikasi yang diperlukan sewaktu tempoh menjalani latihan industri. Kajian ini juga memfokuskan kepada beberapa item komunikasi iaitu kerja berpasukan, kepimpinan dan buat putusan, komunikasi interpersonal dan dwibahasa. Bagi memastikan latihan industri dapat membantu pelajar membuat persediaan sebelum berada dalam situasi perkerjaan yang sebenar, pihak fakulti dan pihak industri perlu berkerjasama dan memberi input yang dapat membantu ke dua-dua belah pihak.

Kata kunci: Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan, Komunikasi Profesional

PENGENALAN

Kemahiran komunikasi merupakan elemen utama dituntut dalam semua jenis pekerjaan. Kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar sering menjadi isu antara penyelia organisasi dan institusi pengajian. Perkongsian maklumat demi kelancaran proses kerja dalam mana-mana organisasi memerlukan pelajar latihan industri untuk sentiasa mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik. Keberkesanan komunikasi dapat membantu organisasi mencapai matlamat dari segenap aspek dengan lebih mudah dan efektif. Kemahiran komunikasi yang baik dapat mempengaruhi sikap dan tingkah laku ahli organisasi sewaktu mesyuarat atau perbincangan, yang mana secara tidak langsung majikan akan dapat melihat keupayaan dan

kelebihan yang dimiliki oleh pelajar dan seterusnya dapat membantu perkembangan kerjaya pelajar (Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus, 2016).

Berdasarkan Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi (2010), objektif dan hasil pembelajaran latihan industri memerlukan pelajar mahir berkomunikasi dan berinteraksi dengan rakan sekerja dan khalayak. Antara hasil pembelajaran latihan industri yang digariskan dalam Dasar LI IPT (2010) ialah, mempertingkatkan kompetensi dan daya saing dalam bidang pengkhususan masing-masing, menghubungkaitkan pengalaman di tempat kerja dengan ilmu yang dipelajari di IPT, mengaplikasikan teori dan pengetahuan akademik yang dipelajari di tempat kerja di bawah penyelian, menambahbaik kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan; serta, menimba pengalaman dan pengetahuan yang boleh dimanfaatkan untuk memilih pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian kelak.

Maklumbalas dari pihak industri penting untuk IPTA & IPTS menilai dan menambahbaik keperluan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar di institusi. Kemahiran berkomunikasi bukan sahaja diperlukan sewaktu pembelajaran tetapi pelajar perlu sentiasa berinteraksi sewaktu menjalani latihan industri terutama dengan rakan sekerja, pelanggan dan penyelia. Kemahiran komunikasi yang baik dapat mempengaruhi sikap dan tingkah laku ahli organisasi sewaktu mesyuarat atau perbincangan, yang mana secara tak langsung majikan akan nampak keupayaan dan kelebihan yang pelajar ada akan membantu perkembangan kerjaya pelajar (Nik Syahrul Faizal, Mohammad Syahril & Mohd Faizul, 2019).

Dalam tempoh menjalani latihan industri pelajar perlu menjadi pelajar yang menyumbang kepada pembentukan modal insan yang lebih kreatif, kritikal, inovatif dan kompetitif dalam persediaan memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Antara isu yang timbul atau masalah yang dihadapai oleh para majikan sewaktu menjalani latihan industri ialah pelajar tidak cuba menonjolkan diri dan lemah dalam kemahiran berkomunikasi, tidak cuba mencari peluang dan tidak mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja. (Fazurawati Che Lah, 2018).

Disebabkan isu-isu yang timbul ini mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi di samping menjadi lebih berdikari, kreatif dan bijak mencari solusi setiap permasalahan yang dihadapi. (Siti Nurbayu Mohd Yusof , 2021). Oleh itu, dalam kertas kerja ini pengkaji memfokuskan untuk mengenalpasti tahap kemahiran komunikasi pelajar KUIS sewaktu menjalani latihan industri di pelbagai organisaasi kerajaan mahupun swasta. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenalpasti kemahiran komunikasi yang paling baik dalam kalangan pelajar yang menjalani latihan tersebut. Kertas kerja ini seterusnya akan membincangkan bahagian soroton literatur, metodologi kajian, analisis dan perbincangan dan akhirnya penutup.

SOROTAN LITERATUR

Kemahiran komunikasi penting dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar (Buntat & Hassan, 2019). Pelajar yang mempunyai keyakinan yang tinggi, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik serta berkeyakinan dan mampu bersaing di pasaran kerja kelak. Di kebanyakan politeknik, pelajar peringkat diploma akan menjalani latihan industri selama 20

minggu untuk mencapai beberapa objektif pembelajaran. Antaranya objektif kemahiran boleh pindah adalah kemahiran praktikal, kemahiran komunikasi, etika dan moral serta kerja berkumpulan (Nur Zamira Othman, Mastura Ramli & Noradila Sukor, 2017).

Objektif atau tujuan sebenar latihan industri tidak dapat dicapai kerana kurangnya komunikasi dalam kalangan pelajar (Ahmad Jahari Sires & Mariati Muda, 2012). Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar Perdana Jabatan Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan (JPTK) Fakulti Pendidikan, UTM ialah kemahiran komunikasi antara rakan sekerja dan majikan. Sebanyak 31.6% responden menyatakan setuju dan berada di tahan sederhana iaitu 2.63. Jika masalah ini masih tidak ditangani, tahap kemahiran komunikasi dijangka masih berada di tahap sederhana atau makin rendah pada tahun 2022.

Tambahan pula dalam tempoh pandemik yang dihadapi Malaysia baru-baru ini, pelajar perlu menjalani latihan industri dari rumah. Kekurangan kemahiran berkomunikasi dan kurang berinteraksi dengan majikan dan rakan sekerja menimbulkan kesukaran sewaktu menjalani latihan industri (Md. Asrul Nasid Masrom, 2022). Oleh yang demikian, usaha tambahan dan perancangan antara pelajar dan penyelia perlu selari dan perjumpaan secara maya perlu sentiasa dilakukan bagi memperbaiki isu komunikasi dan menambahkan keyakinan pelajar. (Suliati Asri, 2021).

Bagi meningkatkan keyakinan pelajar, mereka perlu memahami kemahiran komunikasi dalam organisasi memfokuskan kepada beberapa elemen utama iaitu, kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan berkeyakinan berinteraksi secara lisan dan bukan lisan, kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas, kebolehan berunding dan mencapai persetujuan serta kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan. (Sharifah Baharom, Joki Perdani Sawa & R.Balan Rathakrishnan, 2006). Kajian oleh Mohd Saiful Syafiq Ahmad (2019), juga mendapati bahawa majoriti responden Jabatan Pengurusan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) bersetuju komunikasi lisan merupakan kaedah utama dalam melengkapkan proses penyampaian maklumat dan penerimaan maklumat dalam kalangan rakan sekerja dan majikan.

Empat elemen kemahiran komunikasi yang menjadi fokus utama kajian ini iaitu kerja berpasukan, kepimpinan dan buat keputusan, komunikasi interpersonal dan kemahiran dwibahasa bukan sahaja menjadi elemen penting yang perlu dikuasai oleh pelajar sewaktu menjalani latihan industri malah kemahiran komunikasi ini perlu dipupuk lebih awal sewaktu sesi pembelajaran dan digunakan secara maksima sewaktu alam pekerjaan yang sebenar. Komunikasi dalam organisasi seperti perbincangan dan taklimat, keupayaan seseorang mengubah pendapat dan keputusan ahli organisasi menjadi faktor penting untuk seseorang individu mempunyai reputasi yang bagus sewaktu di dalam organisasi (Mohd Saiful Syafiq Ahmad, 2019).

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dan deskriptif dengan menggunakan rekabentuk kajian secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Maklum balas dari pihak industri diperolehi melalui borang pemerkahan dan soal selidik yang desediakan oleh KUIS bagi mengenalpasti kebolehpasaran pelajar KUIS sewaktu menjalani Latihan Industri. Soal selidik ini mengandungi 16 item dan menggunakan lima skala likert. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A merupakan maklumat pelajar dan pihak industri bahagian B mengandungi item-item yang dinilai oleh pihak industri dalam tempoh menjalani latihan industri. Daripada item-item tersebut penyelidik mengambil empat elemen utama dalam komunikasi iaitu kerja berpasukan, kepimpinan dan buat keputusan, komunikasi interpersonal dan kemahiran dwibahasa. Analisis secara diskripsi dilakukan bagi melihat tahap kemahiran komunikasi pelajar FPM, KUIS sewaktu menjalani Latihan Industri di pelbagai organisasi kerajaan mahupun swasta.

Min	Tahap
0.00-1.66	Rendah / Tidak Memuaskan / Tidak Perlu
1.67 – 3.33	Sederhana / Agak memuaskan / Agak Perlu
3.34 – 5.00	Tinggi / Sangat memuaskan/Sangat Perlu

Jadual 1: Tafsiran Min Tahap

ANALISIS KAJIAN

Analisis yang dijalankan adalah berbentuk frekensi dan ranking min, daripada 16 item penyelidik hanya menganalisis 4 daripada item yang melibatkan elemen utama kemahiran komunikasi iaitu kerja berpasukan, kepimpinan dan buat keputusan, komunikasi interpersonal dan kemahiran dwibahasa.

Bil	Item	Min
1.	Kerja Berpasukan	4.47
2.	Kepimpinan dan Buat Putusan	3.82
3.	Komunikasi Interpersonal	4.41
4.	Kemahiran Dwibahasa	4.11

Jadual 2: Tahap kemahiran komunikasi pelajar Latihan Industri FPM, KUIS.

Berdasarkan rankig min dalam Jadual 2, tahap kemahiran komunikasi pelajar latihan industri FPM, KUIS dapat dilihat pelajar yang menjalani latihan industri pada semester tersebut mempunyai kemahiran komunikasi di tahap tinggi. Walaupun item kepimpinan dan buat putusan adalah item yang terendah iaitu 3.82 namun kategori min adalah di tahap tinggi diikuti item Komunikasi Interpersonal, 4.41, kemahiran dwibahasa 4.11 dan tahap min yang paling tinggi kerja berpasukan iaitu 4.47.

Kebanyakan kajian mendapati latihan industri banyak membantu mengembangkan latihan dan pengajaran untuk membina kebolehan dalam komunikasi kepemimpinan, mewujudkan program kepemimpinan yang berkredibiliti, dan bertujuan mempamerkan visi perniagaan mereka di dalam pelbagai bentuk serta jenis organisasi. Ini menunjukkan kepimpinan dan buat keputusan merupakan antara kemahiran penting dalam setiap organisasi (Raja Abd. Rahman & Mohd. Yusof, 2012).

Kemahiran komunikasi semasa aktiviti pembentangan adalah rendah berbanding semasa aktiviti berkumpulan dan pengurusan (Buntat & Hassan, 2019). Ini selari dengan maklumbalas penyelia dan nilai min bagi item komunikasi kepimpinan dan buat putusan iaitu 3.82 berbanding item lain. Walaupun markah penilaian pihak industri adalah tinggi namun diantara komen pihak industri pelajar masih kurang menggunakan komunikasi yang berkesan, lemah dalam memberi arahan dan kurang keyakinan diri.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, 70% dari komen dan maklumbalas penyelia menyentuh hal-hal berkaitan komunikasi dari pelbagai aspek. Walaupun pelajar menunjukkan prestasi cemerlang dalam melakukan tugas, namun dapat dikenalpasti penyelia masih menekankan kepentingan kemahiran komunikasi walau dari bidang kerja yang berbeza. Kemahiran berkomunikasi secara interpersonal yang minimum akan menghalang penerimaan maklumat secara berkesan yang boleh menimbulkan kekeliruan dan salah faham. Kurang keyakinan diri dan sifat malu boleh menyebabkan pembelajaran terganggu dan tidak mempunyai komunikasi yang berkesan (Natasyadora Muridan, 2013). Kemahiran komunikasi dalam aktiviti pembelajaran mampu untuk meningkatkan keyakinan diri pelajar. Institusi dan pensyarah perlu sentiasa menggalakkan pelajar berkomunikasi dalam pelbagai situasi bagi membantu pelajar meningkatkan keyakinan dan kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai konteks.

RUJUKAN

- Ahmad Johari Sihes & Mariati Muda. (2012). Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Perdana Jabatan Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan (JPTK) Fakulti Pendidikan, UTM Dalam Menjalani Latihan Industri. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus. (2016). Komunikasi Berkesan. Siri Latihan Staff, Komunikasi Berkesan.

Fazurawati Che Lah. (2018). Latihan Industri. Diakses dari laman sesawang <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/07/356053/latihan-industri>.

<https://news.uthm.edu.my/ms/lamanutama>. Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan.

Kerangka Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi. (2010). Kementerian Pengajian Tinggi.

Md. Asrul Nasid Masrom. (2022). Cabaran baharu mahasiswa jalani latihan industri di era pandemik COVID-19. Diakses dari laman sesawang

Mohd Saiful Syafiq Ahmad (2019). Komunikasi Dalam Organisasi Dan Keberkesanan Membuat Keputusan Di Jabatan Penguatkuasaan Majlis Daerah Sabak Bernam.Kertas Projek. Kluster Pendidikan dan Sains Sosial.,Open University Malaysia.

Natashadora Binti Muridan. (2013).Penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Di Uthm.Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Nik Syahrul Faizal Nik Mat, Muhammad Syahri Ghazali & Muhd Faizul Abu Bakar. (2019). Maklumbalas Industri Terhadap Pelajar Politeknik Kuching Sarawak Yang Menjalani Latihan Industri Bagi Sesi Disember 2019 (Pk-Li).

Nor Zamira binti Othman & Mastura Binti Ramli. (2017). Persepsi Industri Terhadap Penguasaan Ilmu dan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Latihan Industri Politeknik. Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Mersing. e-Jurnal LIS Liga Ilmu Serantau.

Raja Roslan Bin Raja Abd. Rahman, Abu Bakar Mohd. Yusof, Azizi Yahya & Mohd Salleh Hj Hasan. (2012). Pelaksanaan Komunikasi Kepemimpinan Dalam Organisasi Pengamal Pengurusan Kualiti Msiso 9001 Di Malaysia.Institut Pengurusan Teknologi Dan Keusahawanan. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Sharifah Baharum, Joki Perdani Sawai & R. Balan Rathakrishnan (2006). Hubungan Antara Komunikasi Dalam Organisasi Dengan Kepuasan Kerja, Prestasi Kerja Dan Komitmen Kerja. Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial. Universiti Malaysia Sabah.

Sitinurbayu Mohd Yusoff, (2021). Latihan Industri: Isu Dan Cabaran Dalam Norma Baharu. BERNAMA Tinta Minda.

Yahya Bin Buntat & Muhamad Shahabudin Bin Hassan, (2019). Kemahiran Komunikasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan Di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia.